

18/02/2002

Ceramah: Nik Aziz bagai buta undang-undang

LANGKAWI, Ahad - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat, tidak sepatutnya berceramah tanpa permit kerana sebagai ketua kerajaan yang tahu undang-undang, adalah 'tidak elok' jika beliau sendiri yang mengingkarinya.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata adalah memalukan bagi seorang yang turut terbabit dalam menggubal undang-undang tetapi pada masa sama gagal mematuhi dengan menyampaikan ceramah di tempat yang tidak mendapat permit.

"Sebagai ketua kerajaan, beliau tahu undang-undang, kita (sebagai menteri besar) yang buat undang-undang. Sekali kita pergi ceramah tempat yang tidak ada permit, macam kita pecah undang-undang.

"Apabila tahu tidak ada permit, kita nak pergi buat apa? Kalau ada permit tak apa," katanya mengulas kenyataan Nik Aziz yang berpendapat beliau bebas menyampaikan ceramah di mana saja atas jemputan.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Projek Hutan Tani serentak Penubuhan Pasukan Petugas Khas Membanteras Pencerobohan Hutan di Langkawi di Hutan Simpan Bukit Sawak, Teluk Ewa di sini, hari ini, Syed Razak berkata, Nik Aziz sememangnya berhak berceramah di mana saja di negara ini.

"Kita pun tahu. Bukan kita tidak faham tetapi maksud saya sebagai ketua kerajaan, ketua eksekutif kerajaan, menteri besar, tidak eloklah beliau berceramah tempat tidak ada permit.

"Kalau dia ada permit tak apa. Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) pun berceramah rata," katanya.

Beliau berkata, etika sebagai ketua kerajaan penting untuk memimpin sebuah negeri dengan mematuhi undang-undang yang digubal sendiri kerana menteri besar juga pengerusi keselamatan dalam negeri.

"Macam saya sekarang, Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Dalam Negeri yang mana dalamnya ada polis, tentera, jabatan di laut dan darat.

"Makna kata, kalau saya sendiri buat undang-undang, selepas itu saya pecah (tidak patuh) undang-undang, ini yang kurang enak, kata orang," katanya.

Sementara itu, di Melaka, Gabungan parti pembangkang tetap meneruskan ceramah politik di Melaka walaupun kerajaan melarang ceramah umum diadakan.

Jurucakapnya yang juga Ketua Penerangan Pas Melaka Mujahid Yusof Rawa, berkata parti pembangkang, terutama Pas akan terus berceramah mengikut hak yang ditentukan Perlembagaan negara dan akan mengadakannya di dalam premis.

"Pas, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) terus berceramah dan melihat kepada peruntukan undang-undang.

"Haramkan parti politik berceramah bukan arahan baru dan perkara ini ada motif politik," katanya pada sidang media di pejabat PRM di sini, hari ini.

Hadir sama Ketua Pemuda Keadilan Melaka Mohd Abd Wahab Ibrahim dan Pengerusi PRM Melaka Low Kim Seng.

Sambil mendakwa larangan itu adalah usaha kerajaan menakutkan rakyat, Mujahid berkata polis diharap menjalankan tugas mengikut peruntukan Perlembagaan negara.

Mengenai persiapan barisan pembangkang negeri menghadapi pilihan raya umum akan datang tanpa DAP, beliau berkata, perkara itu akan dibincangkan

dan mengikut keadaan penduduk di sesuatu kawasan.

Mujahid berkata, tadika Pasti yang dikendalikan Pas bukan alat parti itu memesongkan pemikiran kanak-kanak, sebaliknya menggunakan kurikulum yang ditulis oleh profesional.

"Kalau kerajaan hendak bukti, kita boleh berikan. Kalau hendak bersaing, wujudkanlah Tabinor (Taman Bimbingan Noor) kelolaan Umno dengan banyak," katanya.

(END)